PARLIMEN MALAYSIA
KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PINDAAN PERLEMBAGAAN BERKAITAN PENGASINGAN PERANAN PEGUAM NEGARA DAN PENDAKWA RAYA

JKPK PERHALUSI KERANGKA PERUNDANGAN PENGASINGAN PERANAN PEGUAM NEGARA DAN PENDAKWA RAYA

KUALA LUMPUR, 21 OKTOBER 2026 – Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Mengenai Pindaan Perlembagaan Berkaitan Pengasingan Peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya dalam mesyuaratnya hari ini telah mengambil maklum mengenai perbincangan berhubung cadangan Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2026 yang telah disembah maklum ketika sesi pra-Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-273 pada 13 Oktober 2026 yang turut dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja (MRR) ke-273 pada 14 dan 15 Oktober 2026.

JKPK telah meneliti perkara-perkara yang dibangkitkan oleh MRR dan berpandangan bahawa ia perlu diperhalusi sewajarnya dengan mengambil kira pandangan serta pertimbangan yang dikemukakan oleh MRR, selaras dengan prinsip Raja Berperlembagaan dan keluhuran Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan itu, JKPK telah meminta Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk memperhalusi perkara-perkara yang dibangkitkan tersebut untuk dibentangkan semula kepada JKPK dalam tempoh dua (2) minggu bagi penelitian dan tindakan selanjutnya.

JKPK kekal komited untuk memastikan reformasi pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya dilaksanakan secara teliti, tertib dan berhemah, dengan matlamat memperkukuh kebebasan institusi pendakwaan, meningkatkan akauntabiliti serta memelihara keyakinan rakyat terhadap sistem pentadbiran keadilan negara.

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PARLIMEN MENGENAI PINDAAN PERLEMBAGAAN BERKAITAN PENGASINGAN PERANAN PEGUAM NEGARA DAN PENDAKWA RAYA
21 OKTOBER 2026